

S: Tetapi bagaimana dengan hadith-hadith yang mengatakan beberapa ayat yang telah diturunkan tidak lagi merupakan sebahagian daripada Qur'an?

Golongan Shi'ah tidak percaya kepada kemaksuman mana-mana penulis, pentafsir atau perawi daripada melakukan kesilapan, oleh itu, mereka tidak pernah mengambil mana-mana kumpulan hadith mereka sebagai sahih semuanya ataupun benar semuanya. Buku yang dipercayai sebagai tidak mempunyai kesilapan langsung hanyalah al-Qur'an. Kebanyakan hadith-hadith tersebut (dalam persoalan diatas) dianggap sebagai dha'if atau difahami sebagai tidak mempunyai kaitan dengan Qur'an.

- ❑ Adalah menarik bahawa terdapat hadith-hadith yang terdapat didalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang mengatakan banyaknya ayat Qur'an yang hilang. [Al-Bukhari, *Al-Sahih*, jilid. 8 ms. 208; Muslim, *Al-Sahih*, jilid. 3 ms. 1317]
- ❑ Bukan itu sahaja, ada hadith yang dilaporkan melalui saluran Sunni yang mengatakan bahawa dua surah daripada al-Qur'an telah hilang, satu daripadanya adalah sama panjang dengan Surah al-Bara'ah!!! [Muslim, *Al-Sahih*, Kitab al-Zakat, jilid. 2 ms. 726]
- ❑ Terdapat juga hadith yang mengatakan bahawa Surah al-Ahzab adalah sama panjang dengan Surah al-Baqarah !!! Surah al-Baqarah adalah surah terpanjang didalam al-Qur'an. Hadith-hadith didalam Sahih al-Bukhari dan Muslim juga menceritakan mengenai beberapa ayat yang dikatakan hilang. [Al-Bukhari, *Al-Sahih*, jilid. 8 ms. 208]

Tetapi golongan Shi'ah tidak pernah menuduh golongan Sunni sebagai mempercayai kepada tidak lengkapnya al-Quran. Kita mengatakan bahawa hadith-hadith ini adalah lemah (dha'if) atau tergolong sebagai hadith palsu.

Kesimpulan:

"Adalah merupakan keyakinan kami bahawa al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah kepada RasulNya Muhammad (s) adalah (sama dengan) ia yang berada diantara dua kulit (*daffatayn*). Dan ia adalah yang dipunyai oleh masyarakat dan tiada yang lebih besar darinya... **Dan dia yang mengatakan bahawa ada Qur'an yang lebih besar daripada (Qur'an ini) adalah seorang penipu dan pendusta.**"

[As-Saduq, *Kitabu'l-'I'tiqadat* (Tehran: 1370 AH) ms. 63; Dalam bahasa Inggeris, *The Shi'ite Creed*, tr. A.A.A. Fyzee (Calcutta: 1942) ms. 85]

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila kunjungi:

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

*Sesungguhnya Kami yang menurunkan (al-Qur'an) dan
Kamilah yang memelihara dan menjaganya.
(Qur'an: Surah Al-Hijr, Ayat 9)*

Adakah Pengikut Mazhab Shiah mempunyai Qur'an yang lain?

Golongan Shi'ah sering dituduh sebagai mempercayai *Tahrif* berlaku pada al-Qur'an yang bermaksud mereka mempercayai bahawa al-Qur'an telah tokok-tambah adalah Qur'an yang lain daripada yang diturunkan kepada Rasulullah (s).

INI ADALAH TIDAK BENAR !!!

Semua ulamak besar Shi'ah dari awal hingga ke zaman ini mempercayai akan lengkapnya al-Qur'an. Sebahagian daripada ulamak-ulamak ini mencatatkan dengan jelas mengenai perkara ini didalam kitab mereka:

- ❑ Shaykh al-Saduq (d. 381 AH), *Kitabu'l-Itiqadat*, (Tehran, 1370) ms. 63.
- ❑ Shaykh al-Mufid (d. 413 AH), *Awa'idu l-Magalat*, ms. 55-6;
- ❑ Sharif al-Murtada (d. 436 AH), *Bahru l-Fawa'id* (Tehran, 1314) ms. 69;
- ❑ Shaykh at-Tusi (d. 460 AH), *Tafsir at-Tibyan*, (Najaf, 1376), jilid 1 ms. 3;
- ❑ Shaykh at-Tabrasi (d. 548), *Majma'u l-Bayan*, (Lebanon), jilid. 1 ms. 15.

Sebahagian daripada ulama-ulama lain yang juga mengatakan perkara yang sama termasuklah:

- ❑ Muhammad Muhsin al-Fayd al-Kashani (d. 1019 AH), *Al-Wafi*, jilid. 1 ms. 273-4, dan *al-Asfa fi Tafsir al-Zur'an*, ms. 348;
- ❑ Muhammad Baqir al-Majlisi (d. 1111 AH), *Bihar al-'Awwar*, jilid. 89 ms. 75

Keyakinan ini berterusan tanpa putus hingga kezaman ini. Ulamak-ulamak Shi'ah yang telah menguatkan lagi keyakinan ini (al-Qur'an tetap di lindungi dan tidak bertukar) termasuklah Sayyid Muhsin al-Amin al-'Amili (d. 1371 AH); Sayyid Sharaf al-Din al-Musawi (d. 1377 AH.); Shaykh Muhammad Husayn Kashif al-Ghita' (d. 1373 AH); Sayyid Muhsin al-Hakim (d. 1390 AH); 'Allamah al-Tabataba'i (d. 1402 AH); Sayyid Ruhullah (Imam) al-Khumayni (d. 1409 AH); Sayyid Abu al-Qasim al-Khu'i (d. 1413 AH) and Sayyid Muhammad Rida al-Gulpaygani (d. 1414 AH).

Ini tidaklah bermakna nama-nama ini sahaja yang meyakini perkara ini.

S: Tetapi bagaimana dengan Shi'ah sebelum daripada mereka ini, tidakkah mereka mempercayai kepada *tahrif*?

Tidak sekali-kali! Perhatikan contoh '**Ubaydullah b. Musa al-'Absi** (120-213 AH), seorang ulama Shi'ah yang sering meriwayatkan hadis daripada Imam-imam shi'ah boleh dijumpai dalam kumpulan hadith Shi'ah seperti *al-Tahdhib* dan *al-Ishtibar*.

Mari kita lihat apa yang dikatakan oleh Ulama Sunni mengenai beliau:

- ❑ "... seorang yang solih, salah seorang yang paling penting dikalangan ulama Shi'ah... beliau dikira sebagai boleh dipercayai oleh Yahya b. Ma'in, Abu Hatim mengatakan bahawa beliau dipercayai, benar... al-'Ijli mengatakan beliau adalah orang yang mempunyai ilmu yang benar mengenai Qur'an..."
[Al-Dhahabi, *Tadhkirat al-Huffaz* (Haydarabad, 1333 AH), jilid. 1 ms. 322]
- ❑ "... beliau merupakan seorang imam didalam feqah dan ilmu hadith dan Qur'an perilakunya dihiasi dengan kesolihan dan kebenaran, tetapi beliau merupakan salah seorang ketua bagi golongan Shi'ah."
[Ibn al-'Imad al-Hanbali, *Shadharat al-Dhahab* (Cairo, 1350 AH), jilid. 2 ms. 29]

Ulama-ulamak sunni ini sudah tentu tidak akan memuji ketinggian ilmunya mengenai Qur'an sekiranya beliau mempercayai kepada Qur'an yang lain!!!

'Ubaydullah juga dilihat sebagai yang amat dipercayai, walaupun merupakan seorang Shi'ah, sehinggakan pengumpul hadith terkenal al-Bukhari and Muslim dan lain-lain telah merakamkan hadith-hadith yang didapati daripadanya didalam kumpulan hadith mereka!

[*The Creed of the Imaam of Hadeeth al-Bukhari* (Salafi Publications, UK, 1997), ms. 87-89]

S: Tidakkah pengikut Shi'ah mempercayai bahawa *Mushaf Fatimah* adalah tiga kali lebih besar daripada al-Qur'an?

Al-Qur'an adalah *Mushaf* (kitab), tetapi semua kitab tidak semestinya al-Qur'an! Tidak ada Qur'an Fatimah! *Mushaf Fatimah* adalah buku yang telah ditulis atau mempunyai catatan daripada Fatimah (a) selepas kewafatan Rasulullah (s). Ia bukan sebahagian daripada al-Qur'an dan tidak mempunyai kaitan langsung dengan hukum-hukum Allah atau hukum shar'i.

S: Tetapi tidakkah hadith dalam kitab Shi'ah menyebutkan ayat-ayat Qur'an yang mempunyai tambahan kepada ayat yang kita ada pada hari ini?

Terdapat beberapa tempat dimana beberapa perkataan baru ditambah tetapi ia hanya untuk penjelasan atau tafsiran, ini tidak bermaksud untuk mengatakan bahawa teks asli al-Qur'an adalah ditambah. Perkara ini berlaku dalam kumpulan hadith ahlussunnah dan Shi'ah. Cuba perhatikan dua contoh dibawah, kedua-duanya dipetik daripada kitab tafsir Qur'an oleh Ulama Ahlussunnah:

- ❑ "Ubayy b. Ka'b biasa membaca '...kemudian kepada mereka yang kamu ni'mati untuk masa yang ditetapkan maka berikan kepada mereka maskahwinnya...' (Surah An-Nisa', ayat 24) dan ini juga merupakan cara bacaan Ibn 'Abbas."
[Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghayb* (Beirut, 1981), jilid. 9 ms. 53]
[Ibn Kathir, *Tafsir al-Zur'an al-'Azim* (Beirut, 1987), jilid. 2 ms. 244]

Notakaki pada *Tafsir* Ibn Kathir menjelaskan bahawa perkataan-perkataan tambahan yang ditunjukkan diatas, bukan merupakan sebahagian daripada al-Qur'an, Ia hanya dibaca oleh sahabat Rasulullah (s) untuk tafsir dan penjelasan.

- ❑ "Ibn Mas'ud berkata: Pada masa hidupnya Rasulullah (s) kita biasa membaca, 'Ya Rasul Kami (Muhammad) sampaikan apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhan mu bahawa '*Ali adalah pemimpin bagi mereka yang beriman* sekiranya kamu tidak (menyampaikan), sesungguhnya kamu tidak menyampaikan mesejNya.'
(Surah Al-Maidah, ayat- 67)
[Jalal al-Din al-Suyuti, *Durr al-Manthur*, jilid. 2 ms. 298]

Didalam kes ini juga; bahagian yang didalam tulisan *italic*; bukan merupakan sebahagian daripada teks al-Qur'an, bagaimanapun Ibn Mas'ud biasa membacanya dengan cara ini untuk menjelaskan konteks turunnya ayat ini.